

**CABARAN DAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN  
SEKTOR TIDAK FORMAL SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PASAR  
MALAM KOTA KINABALU, SABAH**




**UMS**

**NUR HAZIQAH BINTI ROSLEY**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**CABARAN DAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN  
SEKTOR TIDAK FORMAL SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PASAR  
MALAM KOTA KINABALU, SABAH**



**NUR HAZIQAH BINTI ROSLEY**

**TESIS INI DIJALANKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA  
GEOGRAFI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## PENAKUAN


Saya Nur Haziqah Binti Rosley dengan ini mengakui bahawa Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Geografi bertajuk "Cabaran dan Kelangsungan Perniagaan Sektor Tidak Formal sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah" adalah hasil usaha saya sendiri melainkan ringkasan dan petikan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



(NUR HAZIQAH BINTI ROSLEY)

BA19110428

PROGRAM GEOGRAFI



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **NUR HAZIQAH BINTI ROLEY**

NO MATRIK : **BA19110428**

TAJUK : **CABARAN DAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN  
SEKTOR TIDAK FORMAL SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PASAR  
MALAM KOTA KINABALU, SABAH**



IJAZAH : **SARJANA MUDA GEOGRAFI (KEPUJIAN)**

**DISAHKAN OLEH:**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENYELIA**

**TANDATANGAN**

Dr. Adi Bin Jaffar


**PENYELIA KETUA PROGRAM**

**TANDATANGAN**

Dr. Ubong Imang

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim dan syukur di atas limpah dan kurnia, rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T, maka kajian dan penulisan Latihan ilmiah ini dapat dilengkapkan melainkan dengan pertolongan-Nya. Setinggi jutaan terima kasih dan penghargaan turut pengkaji tujuhkan kepada Dr Adi Jaffar selaku penyelia sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini. Kesabaran dan kesediaan beliau dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar, memberikan sokongan dari aspek ilmu pengetahuan, idea berkaitan kajian ini amatlah saya hargai walaupun hakikatnya beliau mempunyai kesibukan terhadap komitmen yang lain. Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya kerana berkat doa dan sokongan moral yang diberikan sungguh bernilai sehingga pengkaji dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Tidak dilupa buat kawan-kawan seperjuangan saya, ribuan terima kasih turut saya ucapkan kerana sudi berkongsi idea, ilmu dan memberi bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Akhir kalam, ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang gigih dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini. Sesungguhnya hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa baik anda.



(NUR HAZIQAH BINTI ROSLEY)

BA19110428

PROGRAM GEOGRAFI

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji cabaran, kelangsungan dan keberkesanan bantuan terhadap perniagaan sektor tidak formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti bentuk cabaran perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini turut mengenal pasti strategi kelangsungan perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini turut mengenal pasti keberkesanan bantuan terhadap perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota, Kinabalu, Sabah. Pendekatan kuantitatif telah digunakan. Borang soal selidik telah diedarkan di lokasi kajian kepada 30 orang responden yang terdiri daripada pemilik perniagaan yang dipilih secara rawak. Berdasarkan dapatan kajian, cabaran terbesar yang dihadapi oleh perniagaan sektor tidak formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan adalah dari aspek keuntungan yang semakin berkurangan. Perkara ini telah menyebabkan mereka mengamalkan kelangsungan perniagaan dengan menjaga hubungan yang baik dengan pembekal dan pelanggan di samping melakukan penjimatan ketika berbelanja. Cabaran dan kelangsungan yang dihadapi ini sekaligus telah menyebabkan tahap keberkesanan bantuan peniaga sektor tidak formal di pasar malam menerima bantuan pengurusan agihan dari rumah ke rumah.

Kata kunci: sektor tidak formal, pasar malam, Perintah Kawalan Pergerakan, cabaran, kelangsungan perniagaan, tahap keberkesanan

## **ABSTRACT**

This study was conducted to examine the challenges, continuity and effectiveness of assistance to informal sector businesses during the Movement Control Order at the Kota Kinabalu Night Market, Sabah. The purpose of this study was to identify the challenges of the informal sector business during the Movement Control Order period at the Kota Kinabalu Night Market, Sabah. This study also identified strategies for the survival of informal sector businesses throughout the period of the Movement Control Order at the Kota Kinabalu Night Market, Sabah. This study also identified the effectiveness of assistance to informal sector businesses during the period of the Movement Control Order at the Kota Night Market, Kinabalu, Sabah. A quantitative approach was used. Questionnaires were distributed at the study location to 30 respondents who were randomly selected from business owners. Based on the findings of the study, the biggest challenge faced by informal sector businesses during the Movement Control Order is from the aspect of diminishing profits. This has caused them to practice business continuity by maintaining good relationships with suppliers and customers in addition to making savings when shopping. The challenges and survival faced at the same time have caused the level of effectiveness of informal sector traders in the night market to receive house-to-house distribution management assistance.

*Keywords: informal sector, night market, Movement Control Order, challenges, business continuity, level of effectiveness*

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii-ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

	<b>Halaman</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	2-4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4-5
1.5 Skop Kajian	
1.5.1 Lokasi Kajian	5-6
1.5.2 Tempoh Masa Kajian	6-7
1.6 Kesimpulan	7-8
<b>BAB 2 TINJAUAN SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Definisi Sektor Tidak Formal	9-11
2.3 Definisi Perniagaan Pasar Malam	11-13
2.4 Definisi Perintah Kawalan Pergerakan	13-14
2.5 Cabaran Perniagaan Sektor Tidak Formmal semasa Perintah Kawalan Pergerakan	14-16
2.6 Kelangsungan Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan	17-18



2.7	Keberkesanan Bantuan terhadap Perniagaan Sektor Tidak Formal	18-20
2.8	Kesimpulan	20-21

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	23-24
3.3	Pengumpulan Data Primer	
	3.3.1 Soal Selidik	25
3.4	Instrumen Kajian	
	3.4.1 Borang Soal Selidik	26-27
3.5	Pengumpulan Data Sekunder	
	3.5.1 Kajian Perpustakaan	28
3.6	Analisis dan Persembahan Data	29
3.7	Kesimpulan	29-30

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	31-32
4.2	Demografi Responden	32-36
4.3	Cabaran Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah	36-39
4.4	Kelangsungan Perniagaan Sektor Tidak Formal Semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah	39-42
4.5	Kelangsungan Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.	43-45
4.6	Kesimpulan	45

### **BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1	Pengenalan	46
5.2	Ringkasan Kajian	46-47
5.3	Perbincangan Latar Belakang Demografi Responden	47
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	48-50

5.5 Kesimpulan

50

**RUJUKAN**

51-54



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
3.2	Kerangka Soal Selidik	26-27
3.3	Tahap Nilai Min	29
4.2	Demografi Responden	34-36
4.3	Tahap Cabaran Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.	38-39
4.4	Tahap Kelangsungan Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.	42
4.5	Tahap Keberkesanan Bantuan terhadap Perniagaan Sektor Tidak Formal semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.	44-45



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
1.5	Peta Lokasi Kajian Kota Kinabalu	6
3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian	24



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Halaman
A	Borang Soal Selidik	55-57
B	Jenis Perniagaan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah	58-59
C	Keputusan Turnitin	60



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Nama penuh</b>
BPR	Bantuan Prihatin Rakyat
BIMP-EAGA	Kawasan Pertumbuhan Asian Timur (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina)
COD	Perkhidmatan penghantaran secara tunai
COVID-19	Novel Coronavirus 2019
ILO	International Labour Office
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
NGO	Pertubuhan bukan kerajaan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PRIHATIN	Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Science
SPIN	Skim Pembiayaan Informal
SP	Sisihan piawai
SOP	Prosedur Operasi Standard



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Di Malaysia, kes pertama *novel coronavirus* 2019 atau dikenali sebagai 2019-nCoV atau dikenali sebagai COVID-19 yang dikesan telah disahkan pada 25 Januari 2020 membabitkan tiga warganegara Cina yang memasuki Malaysia melalui Johor daripada Singapura pada 23 Januari 2020. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menasihatkan rakyat Malaysia agar tidak melakukan perjalanan ke negara China. Memandangkan bilangan kes positif COVID-19 semakin meningkat hampir lima kali ganda dan daripada dua angka kepada tiga angka pada 15 Mac 2020 iaitu dengan 190 kes daripada 41 kes pada hari sebelumnya telah mendatangkan kebimbangan sekiranya tiada tindakan pencegahan dibuat (Talha, 2020). Manakala di Sabah, kes pertama positif Covid-19 telah direkodkan oleh seorang individu yang telah menghadiri perhimpunan di Masjid Jamek Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 28 Februari sehingga 1 Mac yang lalu. Lelaki tersebut dipercayai telah mengalami gejala demam, batuk serta selsema pada 3 Mac sebelum dimasukkan ke Hospital Besar Tawau pada 10 Mac (Taiming, 2020).

Pandemik Covid-19 telah menggemparkan seluruh dunia kerana ia memberi kesan terhadap sektor kesihatan awam negara dari sudut kesihatan dan keselamatan, malah kepada ekonomi dan pasaran buruh secara keseluruhannya. Perkara ini telah menambahkan beban dan cabaran kepada golongan pekerja, majikan dan pihak kerajaan melalui arahan ke atas penjarakan sosial dan arahan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Serangan wabak penyakit Covid-19 telah menyebabkan perkembangan ekonomi negara terjejas dan menyebabkan semakin ramai rakyat mengalami kehilangan pekerjaan (Hasbullah & Ab Rahman, 2020). PKP yang dilaksanakan ini merupakan satu tindakan bagi mencegah penularan dengan memutuskan rantai Covid-19 terutamanya kepada pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali. Menurut Talha (2020), pelaksanaan PKP akan memberikan impak kepada 33.8 juta penduduk di Malaysia yang merangkumi 76.6 peratus penduduk yang tinggal di kawasan bandar dan 23.4 peratus di kawasan luar bandar.

Menurut Sarjono (2018) menyatakan bahawa ekonomi yang dijalankan oleh setiap negara terdiri daripada ekonomi formal dan ekonomi tidak formal. Pertumbuhan ekonomi sangat penting untuk mendorong kenaikan peluang pekerjaan agar dapat meningkatkan pendapatan boleh guna dan seterusnya akan merangsang perbelanjaan pengguna (Che Rose et al., 2020; Maziah, 2005). Pemilihan pekerjaan dalam sektor tidak formal menunjukkan bahawa generasi muda tidak mampu untuk meningkatkan taraf ekonominya kerana purata pendapatan adalah kecil iaitu RM1500 dan ke bawah. Hal ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan terbuka luas dalam sektor tidak formal dalam apa juga bidang sekalipun tanpa perlu menyambung tahap pendidikan yang tinggi (Che Rose et al., 2020).

## **1.2 Permasalahan kajian**

Pada umumnya, aktiviti perniagaan adalah sebuah aktiviti yang mempunyai impak yang besar dalam kehidupan masyarakat yang dapat dilihat daripada aspek ekonomi, sosial dan politik. Dalam hal ini, aktiviti perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan oleh manusia bagi memenuhi keperluan dalam kehidupan, sama ada terlibat dalam perniagaan secara besar-besaran mahupun secara kecil-kecilan. Aktiviti perniagaan sama ada sektor formal atau sektor tidak formal sentiasa mendapat perhatian, sokongan dan galakan daripada pihak kerajaan dalam peringkat persekutuan, negeri mahupun tempatan. Hal ini kerana kewujudan kedua-dua sektor ekonomi ini dikatakan dapat membantu pihak kerajaan dalam menghidupkan semula suasana aktiviti bandar serta turut memberikan hasil tambahan kepada Pihak



Berkuasa Tempatan (PBT) seperti bayaran denda, iklan papan tanda, tempat letak kereta dan sebagainya (Che Rose et al., 2015). Oleh sebab itu, sektor perniagaan merupakan sektor asas ekonomi ketiga yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan bandar di daerah Kota Kinabalu. Sektor perniagaan ini juga memberikan peranan yang penting dalam pembangunan tenaga kerja serta dilihat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan bandar.

Namun begitu, pada tahun 2020 seluruh negara telah digemparkan dengan wabak *Corona Virus Diseases* 2019 atau lebih dikenali sebagai Covid-19. Wabak penyakit Covid-19 ini telah meledakkan krisis dan kemelesetan ekonomi di seluruh negara dunia (Cheng, 2020). Kebanyakan pakar ekonomi dunia telah mengeluarkan amaran bagi menangani isu berkaitan dengan struktur ekonomi dan kewangan global yang semakin buruk. Fabeil et al., (2020) menyatakan bahawa kebanyakan negara di Asia Tenggara misalnya seperti Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina dan Singapura telah melaksanakan perintah darurat dan kuarantin bagi mencegah penularan Covid-19. Abdul Rashid & Hassan 2020; Ghani 2020 turut menyatakan bahawa keadaan ini memberi implikasi terhadap psikologi seperti kemurungan, kegelisahan, dan juga tekanan kerana aktiviti ekonomi telah ditutup sehingga menyebabkan aktiviti perniagaan tidak boleh dijalankan, penjarakkan sosial diutamakan, tiadanya perhubungan antara penjual dan pelanggan serta gangguan terhadap aktiviti penghantaran produk. Seterusnya, perkara ini akan menyebabkan berlakunya pengurangan tenaga kerja dalam semua sektor ekonomi sehingga menyebabkan kebanyakan individu telah diberhentikan kerja dan hilang pekerjaan.

Pengusaha yang berada dalam sektor perniagaan tidak formal merupakan salah satu daripada sektor ekonomi yang paling terkesan secara langsung kerana Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Nik Abdullah et al., (2020) mendapati bahawa sektor yang terkesan dengan kritikal akibat pandemik Covid-19 ini terdiri daripada sektor tidak formal, iaitu belia yang bekerja sendiri atau yang bekerja di bawah majikan yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM.) hal ini telah menyebabkan aktiviti perniagaan tidak dapat beroperasi seperti biasa kerana masa operasi perniagaan yang sangat terhad dan kekurangan tenaga pekerja sepanjang tempoh PKP. Peniaga kecil mudah rosak (*perishable*) yang terdiri daripada produk pertanian dan makanan adalah yang paling

terkesan kerana produk tidak dapat dijual secara langsung kepada pelanggan akibat rantaian penghantaran yang terjejas (Azizul Julirin, 2020).

Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh peniaga pasar malam yang terdiri dalam sektor perniagaan tidak formal untuk mendapatkan sumber pendapatan harian sepanjang tempoh PKP dijalankan. Hal ini demikian kerana setiap bentuk cabaran yang dilalui oleh peniaga pasar malam adalah berbeza-beza mengikut keadaan semasa. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat apakah strategi yang digunakan oleh peniaga pasar malam bagi meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP. Akhir sekali, tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak bertanggungjawab kepada pihak peniaga pasar malam demi meneruskan aktiviti perniagaan sepanjang tempoh PKP yang dijalankan di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

### **1.3 Persoalan kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dibincangkan, pengkaji telah mengenalpasi tiga persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah cabaran yang dihadapi oleh perniagaan sektor tidak formal iaitu peniaga pasar malam bagi mendapatkan sumber pendapatan sepanjang tempoh PKP di Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Apakah strategi yang digunakan oleh perniagaan sektor tidak formal yang terdiri daripada peniaga pasar malam bagi meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP di Kota Kinabalu, Sabah.
- iii. Apakah bentuk bantuan yang diterima oleh peniaga pasar malam dalam meneruskan perniagaan daripada pihak yang bertanggungjawab sepanjang tempoh PKP di Kota Kinabalu, Sabah.

### **1.4 Objektif kajian**

Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini:

- i. Mengenal pasti bentuk cabaran perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.

- ii. Mengenal pasti strategi kelangsungan perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.
- iii. Mengenal pasti keberkesanan bantuan terhadap perniagaan sektor tidak formal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pasar Malam Kota Kinabalu, Sabah.

## **1.5 Skop kajian**

### **1.5.1 Lokasi Kajian**


Kota Kinabalu dikenali sebagai ibu negeri Sabah yang merangkumi keluasan 352,200 km persegi dengan jumlah penduduknya seramai 527,600 orang (Abdul Rahman et al., 2021). Penduduk terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik utama iaitu lebih kurang 30 suku kaum di negeri Sabah. Kota Kinabalu telah menjadi pintu masuk yang utama ke Kepulauan Borneo disebabkan oleh keunikan sejarah dan kepelbagaian budayanya. Perletakan lokasi bandar Kota Kinabalu dilihat sangat strategik kerana ia terletak di Utara Kepulauan dan menjadi sangat penting kepada bandaraya dalam kawasan BIMP-EAGA (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina-Kawasan Pertumbuhan Asia Timur), dan menjadi pusat kepada perkembangan sektor pelancongan, perdagangan, pertanian, perindustrian dan pendidikan. Kota Kinabalu telah menjadi bandaraya yang keenam di Malaysia pada tanggal 2 Februari 2000. Dalam menuju ke alaf baru, Kota Kinabalu dilihat akan menjadi bandaraya yang unik di Malaysia dan di Rantau Asia (Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2000; Abdul Latib, 2009)

Penyelidikan mengenai kelangsungan ekonomi pengusaha pasar malam yang terlibat dalam perniagaan sektor tidak formal telah dijalankan di sekitar kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Kajian ini dijalankan di sekitar kawasan Pasar Malam Sinsuran, Pasar Malam Safwa (Todak) dan Pasar Malam Segama di mana peniaga-peniaga ini terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti perniagaan sektor tidak Formal. Secara umumnya, responden kajian adalah seramai 30 orang responden, iaitu

peniaga di kawasan pasar malam yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam sektor tidak formal yang berskala kecil di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

### Rajah 1.5: Peta Lokasi Kajian Kota Kinabalu

Sumber: diubah suai dari Google Earth



#### 1.5.2 Tempoh Masa Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap peniaga yang melakukan aktiviti jual beli di pasar malam yang terlibat secara langsung dengan Perintah Kawalan Pergerakan fasa pertama yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia terhadap semua masyarakat bagi mengekang penularan penyakit Covid-19. Perkara ini memberikan kesan terhadap ekonomi kerana keterbatasan pergerakan yang dilalui oleh peniaga untuk melaksanakan pekerjaan telah menyebabkan pendapatan dan perbelanjaan mereka terjejas. Hal ini demikian kerana pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan sekatan

jalan raya di seluruh negara bagi memastikan dan memberi amaran kepada rakyat Malaysia agar terus berada di rumah dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan sepanjang pelaksanaan PKP fasa pertama (Mapjabil et al., 2020). Hal ini telah menyebabkan penutupan dan sekatan sepenuhnya terhadap hampir semua aktiviti manusia di seluruh Malaysia.

Dalam hal ini, terdapat enam (6) fasa yang terlibat sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Dapat dilihat bahawa fasa pertama bermula pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020, diikuti dengan fasa kedua yang bermula pada 1 April sehingga 14 April 2020, fasa ketiga pula bermula pada 15 April sehingga 28 April 2020, fasa keempat pada 29 April sehingga 12 Mei 2020, fasa kelima pada 13 Mei sehingga 9 Jun 2020, dan fasa keenam pada 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020. Fasa kelima PKP dikenali sebagai Perintah kawalan Pergerakan bersyarat (PKPB) yang telah dikuatkuasakan pada 4 Mei 2020, di mana sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial telah dibenarkan untuk beroperasi namun tertakluk kepada syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan kepada semua masyarakat di Malaysia. Manakala fasa keenam PKP dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kerana kerajaan telah memberikan banyak kelonggaran kepada rakyat dalam menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP secara berterusan (Hasbullah & Ab Rahman, 2020).

## **1.6 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran, strategi dan bantuan yang diterima oleh para peniaga pasar malam yang menjalankan aktiviti semasa tempoh PKP fasa pertama di Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan itu, bab ini juga akan menjadi penghubung kepada bab-bab seterusnya yang akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kajian ini. Kajian ini penting kerana ia dapat memberi manfaat kepada penyelidikan dan pembangunan. Hal ini demikian kerana adalah sukar untuk mencari maklumat yang dipercayai berkaitan dengan perkara sedemikian. Menariknya, kajian ini akan memfokuskan kepada pengusaha yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam sektor tidak formal

di pasar malam Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan tentang cabaran dan strategi kelangsungan yang digunakan oleh para peniaga untuk memastikan aktiviti perniagaan mereka mendatangkan keuntungan semasa tempoh PKP dilaksanakan. Seterusnya, Bab 2 akan membincangkan mengenai sorotan literatur yang akan digunakan bagi mengukuhkan kajian pengkaji.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang sorotan bahan bertulis mengenai konsep-konsep dan pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, terdapat juga sorotan kajian lepas yang berhubung dengan sektor tidak formal. Terdapat beberapa subtajuk yang terdiri daripada definisi dan sorotan kajian lepas yang mewakili objektif kajian di dalam bab 1. Selain daripada itu, bab ini juga akan membincangkan tentang pendapat yang diutarakan oleh pengkaji lepas ke atas tajuk yang dibincangkan. Pada akhir bab ini ia membincangkan mengenai konsep kajian dan strategi metodologi yang boleh digunakan secara keseluruhannya melalui kajian yang telah dilakukan.

Penggunaan sorotan kajian daripada kajian lepas merupakan panduan untuk kajian yang dijalankan. Bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtajuk kecil, iaitu definisi dan konsep bagi sektor tidak formal, perniagaan pasar malam, dan Perintah Kawalan Pergerakan. Subtajuk seterusnya akan membincangkan mengenai sorotan kajian lepas, di mana kajian-kajian lepas akan dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang mempunyai kaitan yang hampir sama dengan objektif kajian ini. Oleh itu, dapat dilihat bahawa sorotan kajian lepas merupakan pengukuhan kepada kajian yang dijalankan.

#### **2.2 Definisi Sektor Tidak Formal**

Konsep sektor tidak formal digunakan sejak tiga dekad yang lalu, ia berasal daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau dikenali sebagai International Labour Office (ILO) yang digunakan untuk pertama kalinya dalam Laporan Ghana dan Kenya di bawah World Employment Programme pada awal tahun 1970-an. Laporan tersebut

menegaskan bahawa masalah sosial utama yang berlaku di negara-negara seperti Ghana dan Kenya disebabkan oleh kewujudan populasi miskin yang bekerja, iaitu golongan ini menghasilkan barangan dan perkhidmatan tanpa diiktiraf aktivitiya, didaftarkan atau dilindungi oleh pihak berkuasa tempatan. Ciri-ciri sektor tidak formal yang terdapat dalam Laporan Misi Kenya adalah seperti berikut; (a) mudah diceburi; (b) kebergantungan terhadap sumber asli; (c) perusahaan pemilikan keluarga; (d) operasi berskala kecil; (e) teknologi yang disesuaikan mengikut intensif buruh; (f) perolehan kemahiran di luar sistem pendidikan formal; dan (g) pasaran tidak tetap dan berhadapan dengan saingan (Bangasser, 2000).

Sektor tidak formal terdiri daripada unit yang terlibat dalam pengeluaran barangan atau perkhidmatan dengan objektif utama untuk menjana pekerjaan dan pendapatan terhadap individu yang berkenaan. Dalam hal ini, sektor tidak formal merupakan subset perusahaan yang tidak diperbadankan tidak ditubuhkan sebagai entiti undang-undang yang berasingan secara bebas daripada pemiliknya (ILO 2018; ILO 1993). Pekerjaan dalam sektor ini dilaksanakan dalam kalangan beberapa ahli isi rumah yang sama atau berbeza mengikut individu. Sektor ini turut menjalankan operasi pada tahap organisasi yang rendah, berskala kecil dan dengan sedikit atau tiada pembahagian antara buruh dan modal sebagai faktor pengeluaran (ILO, 2018).

Menurut Nancy et al., (2014), kriteria yang digunakan untuk menentukan sektor tidak formal terdiri daripada saiz aktiviti, pendaftaran dengan agensi kerajaan dan akaun simpanan biasa. Kriteria saiz kebanyakannya diambil daripada ILO, iaitu sebuah firma yang tidak berdaftar kerana pemiliknya terdiri daripada individu atau isi rumah di mana modal tidak dapat dipisahkan daripada firma kerana operasi firma tidak mempunyai perakaunan dan sukar untuk menjejaki operasinya. Kriteria yang melibatkan pendaftaran yang tidak mencukupi telah menyebabkan sebuah firma sukar untuk mendapatkan kelulusan rasmi daripada pihak kerajaan. Terdapat dua kategori yang digunakan bagi membezakan sektor tidak formal;

- a) Firma yang bersembunyi, iaitu menyembunyikan diri daripada pihak polis, the fiscal administration, atau pihak berkuasa lain dan;
- b) Menyembunyikan sebahagian output mereka walaupun telah berdaftar dengan pihak bertanggungjawab.

Kajian Hussmanns (2004) menyatakan sektor tidak formal sebagai satu kumpulan unit pengeluaran yang mengikut klasifikasi yang terdapat dalam *United*